



**PEGAWAI KEWANGAN UNIVERSITI  
PUTRA MALAYSIA KAMPUS BINTULU  
SARAWAK JALAN NYABAU  
97008 BINTULU, SARAWAK.**

<b>TAJUK: PERKHIDMATAN SEWAAN RUANG BAGI DUA (2) UNIT MESIN LAYAN DIRI SNEK DAN MINUMAN DI KOLEJ SRI RAJANG, UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA KAMPUS BINTULU SARAWAK</b>			
<b>TARIKH TUTUP</b>	<b>NO. PETI</b>	<b>MASA</b>	<b>NO. RUJUKAN</b>
<b>06 APRIL 2023</b>	<b>3</b>	<b>12.00 TENGAHARI</b>	<b>SH03/2023 (KSR)</b>



**KAMPUS BINTULU, SARAWAK**

DOKUMEN SEBUT HARGA PERKHIDMATAN

**TAJUK SEBUT HARGA** : **PERKHIDMATAN SEWAAN RUANG BAGI DUA (2) UNIT MESIN LAYAN DIRI SNEK DAN MINUMAN DI KOLEJ SRI RAJANG, UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA KAMPUS BINTULU SARAWAK**

**NO. RUJUKAN SEBUT HARGA** : **SH03/2023 (KSR)**



## KAMPUS BINTULU SARAWAK

### KENYATAAN TAWARAN

Rujukan	Butiran Tawaran	Tarikh Tutup
SH03/2023 (KSR)	Perkhidmatan Sewaan Ruang Bagi Dua (2) Unit Mesin Layan Diri Snek dan Minuman Di Kolej Sri Rajang, Universiti Putra Malaysia Kampus Bintulu Sarawak	<b>06 April 2023</b> 12:00 Tengahari No. Peti Tender No: <b>3</b>

1. Dokumen Tawaran Sebut Harga boleh diperolehi secara **percuma** mulai **28 Mac 2023** di laman sesawang rasmi UPM Kampus Bintulu : [www.btu.upm.edu.my](http://www.btu.upm.edu.my).
2. Dokumen Tawaran Sebutharga hendaklah sampai dan dimasukkan ke dalam **Peti Tender No. 3** pada atau sebelum **06 April 2023** .
3. Pihak Universiti tidak terikat untuk menerima tawaran terendah atau mana- mana tawaran dan keputusan Universiti adalah muktamad.

**PERKHIDMATAN SEWAAN RUANG BAGI DUA (2) UNIT MESIN LAYAN DIRI SNEK DAN MINUMAN DI KOLEJ SRI RAJANG, UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA KAMPUS BINTULU SARAWAK**

<b>BIL</b>	<b>KATEGORI</b>	<b>TANDAKAN YANG DIPOHON</b>
1.	Dua (2) Unit Mesin Layan Diri Snek dan Minuman	

<b>KATEGORI PERMOHONAN</b>	<b>TANDA</b>
ORANG AWAM	
AHLI KELUARGA STAF : ..... (NYATAKAN NAMA SUAMI/ISTERI BERKHIDMAT DI UPMKB)	

**SENARAI SEMAK PENYERAHAN PERMOHONAN PERKHIDMATAN  
SEWAAN RUANG BAGI DUA (2) UNIT MESIN LAYAN DIRI SNEK DAN  
MINUMAN DI KOLEJ SRI RAJANG, UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA  
KAMPUS BINTULU SARAWAK**

<b>Perkara</b>	<b>Tanda /</b>
Borang permohonan dilengkapkan (wajib diisi)	
Senarai barang dan harga yang ditawarkan (wajib diisi)	
Penyata akaun bank simpanan/tetap terkini 3 bulan (Wajib dilampirkan)	
Salinan kad pengenalan Pemilik Syarikat (Wajib dilampirkan)	
Senarai peralatan yang ada	
Lesen perniagaan daripada Pejabat Daerah (Wajib dilampirkan)	
Cabutan Pendaftaran Nama-nama Perniagaan (Wajib dilampirkan)	
Lesen Berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia atau Perbendaharaan Negeri Sarawak (jika ada)	

**UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA KAMPUS BINTULU**  
**RINGKASAN SEBUTHARGA**

TAJUK PERKHIDMATAN:

**PERKHIDMATAN SEWAAN RUANG BAGI DUA (2) UNIT MESIN LAYAN DIRI SNEK DAN MINUMAN DI KOLEJ SRI RAJANG, UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA KAMPUS BINTULU SARAWAK**

**PENERANGAN, MAKLUMAT-MAKLUMAT AM DAN**  
**SYARAT-SYARAT UNTUK PETENDER**

**1.0. Syarat Untuk Menyertai Sebutharga**

- 1.1 Tawaran terbuka kepada sesiapa yang berminat untuk mengusahakan Mesin Layan Diri di Kolej Sri Rajang, UPMKB. Tertakluk kepada Keputusan Jawatankuasa Sebutharga Mesin Layan Diri, pemohon yang berjaya diberi tempoh tiga (3) bulan untuk mengemukakan lesen yang dikeluarkan pihak Lembaga Kemajuan Bintulu berdasarkan kuasa yang telah diperuntukkan oleh:
- Ordinan Lembaga Kemajuan Bintulu, 1978,
  - Ordinan Pihak-pihak Kuasa Tempatan, 1996 serta Undang-undang kecil yang digubal di bawahnya,
  - Ordinan Perlindungan Kesihatan Awan 1999 serta Undang-undang kecil di bawahnya.

**2.0 Tempoh Kontrak**

- 2.1 Tempoh kontrak adalah untuk Satu (1) tahun. Walau bagaimanapun, pihak Universiti akan membuat kajian dari semasa ke semasa dan berhak menamatkan kontrak pada bila-bila masa jika pada hemat universiti mendapati pihak petender telah melanggar syarat-syarat kontrak atau gagal melaksanakan kontrak dengan memuaskan.
- 2.2 Pihak Universiti berhak menamatkan kontrak ini serta merta sekiranya pihak petender didapati menyerahkan kontrak kepada pihak ketiga dan didapati melanggar mana-mana peruntukan dalam Penerangan dan Maklumat-Maklumat Am untuk petender ini.

2.3 Petender hendaklah meletakkan mesin layan diri di lokasi yang telah ditetapkan. Sekiranya petender didapati tidak memenuhi syarat ini, kontrak boleh ditamatkan dengan serta-merta.

### 3.0 **Kategori Mesin Layan Diri**

3.1 Pihak Universiti menyediakan dua (2) lokasi untuk menempatkan dua (2) unit mesin layan diri. Lokasi mesin adalah di Blok D Siswa dan Blok G Siswi.

3.2 Petender adalah digalakkan untuk mengguna pakai kaedah perkhidmatan secara *cashless* pada mesin layan diri.

No.	Kategori
1	Mesin Layan Diri Snek dan Minuman

### 4.0 **Bayaran Sewa Bulanan**

4.1 Bayaran sewaan ruang adalah sebanyak **RM300.00 bagi dua (2) mesin**. Petender dikehendaki membayar secara ***standing instructions*** (Sila rujuk kaedah bayaran sewaan bulanan di **Lampiran E**) daripada akaun semasa/simpanan bank-bank tempatan yang tidak boleh batal selagi belum tamat kontrak.

4.2 Petender yang gagal menjelaskan bayaran sewa bulanan selama tiga(3) bulan berturut-turut akan dikenakan tindakan penamatan kontrak.

4.3 Tiada pengecualian bayaran sewaan bulanan semasa cuti semester dan cuti antara semester bagi program diploma dan bachelor.

### 5.0 **Bayaran Bil Elektrik**

5.1 Bayaran bil elektrik sebulan untuk dua (2) mesin adalah **RM100.00** sebulan. Petender dikehendaki membayar secara ***standing instructions*** (Sila rujuk kaedah bayaran di **Lampiran E**) daripada akaun semasa/simpanan bank-bank tempatan yang tidak boleh batal selagi belum tamat kontrak.

5.2 Petender di kehendaki memasang sendiri soket menggunakan kabel bersaiz 3x2.5 mm sq. PVC copper cable di dalam PVC conduit untuk mesin layan diri lengkap dengan sistem peranti keselamatan (MCB dan RCCD yang diletakkan di dalam junction box). Sumber elektrik soket akan dimaklumkan kemudian.

- 5.3 Kos dan kerja pemasangan adalah di bawah tanggungan petender.
- 5.4 Petender yang gagal menjelaskan bayaran bil elektrik selama tiga (3) bulan berturut-turut akan dikenakan tindakan penamatan elektrik.

## 6.0 Waktu Perniagaan

- 6.1 Waktu perniagaan semua mesin layan diri adalah selama 24 jam sehari.

## 7.0 Pekerja dan Kakitangan

- 7.1 Senarai kakitangan hendaklah dikemukakan kepada Jawatankuasa Sebut Harga Mesin Layan Diri dan hendaklah mengandungi nama, no. kad pengenalan, bangsa, agama dan lain-lain yang berkaitan dalam tempoh dua (2) minggu dari tempoh Surat Setujuterima Tawaran ditandatangani.
- 7.2 Semua pekerja dan kakitangan yang ingin masuk bekerja di dalam kawasan kampus hendaklah membuat permohonan Pas Pekerja di Bahagian Keselamatan UPMKB beserta pembayaran berjumlah RM5.00.

## 8.0 Pakaian

- 8.1 Pakaian dikalangan pekerja dan kakitangan hendaklah bersesuaian dengan etika pemakaian pakaian yang tidak mendedahkan bahagian badan sehingga boleh mewujudkan ketidakselesaan pelanggan.

## 9.0 Bayaran Pendahuluan

- 9.1 Petender yang berjaya adalah disyaratkan untuk menjelaskan keseluruhan bayaran pendahuluan sebelum memulakan urusan perniagaan (sebelum meletakkan mesin layan diri di lokasi yang ditetapkan). Maklumat seperti berikut:

<b>Deposit Sewaan</b>	:	RM300.00 x 3 bulan sewaan	RM 900.00
<b>Deposit Elektrik</b>	:	RM100.00 x 3 bulan sewaan	RM 300.00
<b>JUMLAH KESELURUHAN DEPOSIT (RM)</b>			<b>RM 1,200.00</b>

- 9.2 Bayaran tiga (3) bulan sewa bulanan ini diperlukan bagi menjamin pelaksanaan kontrak yang dilaksanakan oleh petender. Pihak universiti



berhak menggunakan wang ini bagi tujuan membayar ganti rugi atau membaiki kerosakan yang dilakukan petender selepas tamat kontrak kelak atau bagi tujuan apa pun sekiranya berlaku kecuaiian di pihak petender dalam mengikuti peraturan-peraturan yang dinyatakan dalam perjanjian kontrak.

- 9.3 Bayaran pendahuluan tidak akan dikembalikan sekiranya petender ditamatkan kontrak kerana melanggar perjanjian kontrak.

## **10.0 Harga**

- 10.1 Setiap kategori barang jualan yang dipilih hendaklah disertakan dengan nilai harga jualan dalam Ringgit Malaysia sama seperti harga yang ditawarkan di dalam Borang Spesifikasi Sebutharga.
- 10.2 Harga yang dikenakan perlu dipamerkan dengan jelas dan sebarang perubahan daripada harga yang ditenderkan perlu mendapat kelulusan bertulis daripada pihak universiti.
- 10.3 Petender yang menaikan harga dengan harga yang lebih tinggi daripada harga yang disebutkan dalam spesifikasi sebut harga akan dikenakan tindakan penamatan kontrak.
- 10.4 Harga barang jualan di mesin pembancuh minuman layan diri hendaklah bersesuaian dengan kategori pengguna iaitu pelajar dan staf.

## **11.0 Tanda Harga**

- 11.1 Petender yang berjaya akan disyaratkan untuk meletakkan tanda harga yang jelas bagi semua jenis barang yang akan dijual untuk makluman pelanggan. Saiz dan bentuk tanda harga hendaklah mendapat kelulusan pihak universiti.
- 11.2 Tanda harga yang dipamerkan haruslah jelas dan difahami oleh pelanggan.

## **12.0 Minuman Halal**

- 12.1 Dilarang sama sekali membawa, menunjuk dan menjual minuman keras, tanda dan simbol yang haram bagi orang-orang Islam di mesin layan diri. Pihak universiti berhak untuk menamatkan kontrak jika petender didapati melanggar peraturan ini.

### **13.0 Kebersihan Kawasan dan Penjagaan Barang Universiti**

- 13.1 Menjadi tanggungjawab petender untuk memastikan kawasan sekitar mesin layan diri sentiasa bersih dan kemas.
- 13.2 Barang-barang dan peralatan yang disediakan oleh pihak universiti kepada petender hendaklah dijaga dan diawasi dari sebarang kerosakan dan kehilangan.
- 13.3 Setiap petender yang diberi tanggungjawab untuk menjaga barang universiti diantaranya meja dan kerusi hendaklah saling menjaga kebersihan dan sebarang kerosakan yang berlaku adalah dibawah tanggungjawab petender (sekiranya ada).
- 13.4 Sebarang kerosakan seperti kerosakan soket elektrik, dan sebagainya sepanjang tempoh kontrak adalah tanggungan petender.
- 13.5 Barang dan peralatan universiti yang disediakan kepada petender adalah dilarang sama sekali untuk dipindah milik, ditukar atau dibawa keluar dari kawasan premis kiosk melainkan mendapat kelulusan secara bertulis dari pihak universiti.
- 13.6 Jika mesin layan diri dikenakan sebarang kompaun oleh pihak berkuasa berkaitan seperti Kementerian Kesihatan Malaysia, kos kompaun tersebut akan ditanggung sepenuhnya oleh pihak petender.

### **14.0 Ubahsuai Ruang/Kerja Pembaikan**

- 14.1 Petender dikehendaki memasang sendiri soket untuk mesin layan diri menggunakan kabel bersaiz 3x2.5 mm sq. PVC copper cable di dalam PVC conduit lengkap dengan peranti keselamatan (MCB dan RCCD yang diletakkan di dalam junction box). Kos pemasangan hendaklah ditanggung oleh petender.
- 14.2 Petender dikehendaki untuk memasang 'socket cover' berkunci di setiap lokasi mesin layan diri dan kos pemasangan adalah di bawah tanggungan petender.
- 14.3 Sebarang aktiviti pengubahsuaian atau penambahan barang dan peralatan di lokasi mesin layan diri hendaklah mendapat kelulusan dari pihak universiti. Kos bagi kerja ubahsuai ini (kecuali ditentukan) akan ditanggung sendiri oleh petender.

## **15.0 Merokok dan menggunakan rokok elektronik (*Vapor*)**

- 15.1 Universiti Putra Malaysia adalah kawasan larangan merokok. Pihak universiti berhak untuk mengambil tindakan kepada mana-mana petender yang melanggar peraturan ini.
- 15.2 Penggunaan rokok elektronik juga adalah dilarang.

## **16.0 Am**

- 16.1 Penerangan dan maklumat am untuk petender ini adalah sebahagian dari Perjanjian yang akan ditandatangani kelak.
- 16.2 Sebarang pertanyaan mengenai spesifikasi barang boleh diperolehi dengan menghubungi :

**Pn. Rosidah Binti Basir**  
**Kolej Sri Rajang**  
**Universiti Putra Malaysia Kampus Bintulu**  
**Sarawak Tel :086-855339**  
**Emel : [rosidahbasir@upm.edu.my](mailto:rosidahbasir@upm.edu.my)**

**SYARAT-SYARAT SEBUTHARGA UNTUK PERKHIDMATAN**

**1.0. Penolakan Tawaran**

- 1.1. Petender yang menolak tawaran setelah surat tawaran dikeluarkan atau petender enggan menandatangani kontrak atau menarik balik tawaran sebelum keputusan tender dikeluarkan atau gagal memberi jawapan dalam masa yang ditetapkan, maka tindakan menggantung pendaftaran dan penyenaiaan hitam petender dilakukan.

**2.0. Harga**

- 2.1. Petender hendaklah memberi nilai harga dalam bentuk Ringgit Malaysia. Walau bagaimanapun, harga ini akan tertakluk kepada persetujuan pihak universiti dan kegagalan mengemukakan harga jualan menyebabkan tawaran petender tidak dapat dipertimbangkan.

**3.0. Tarikh Tutup**

- 3.1. Tawaran akan ditutup pada tarikh seperti surat jemputan/pelawaan yang diberikan kepada petender. Namun, tertakluk kepada budibicara pihak Universiti untuk melanjutkan atau memendekkan tempoh tarikh tutup tawaran ini.

**4.0. Dokumen Sebutharga**

- 4.1. Dokumen sebutharga ini hendaklah dikemukakan dalam bentuk asal dan tidak boleh diceraikan atau diubahsuai.

**5.0. Persetujuan**

- 5.1. Pihak universiti akan memberi notis bertulis kepada petender yang berjaya mendapat tawaran ini dan pihak Universiti juga berhak untuk menemuduga petender yang lain untuk pertimbangan bagi mesin layan diri.

- 5.2. Apabila dipersetujui, maka suatu kontrak hendaklah disifatkan sebagai telah dibuat diantara universiti dengan petender mengikuti syarat- syarat kontrak (termasuk syarat-syarat tambahan yang diubahsuai, (jika ada) dan tidak ada sebarang perjanjian atau syarat lain walau dari apa jenis pun boleh disifatkan sebagai termasuk dalam kontrak ini.
- 5.3. Universiti tidak terikat untuk menerima tawaran yang terendah atau mana-mana tawaran sekalipun dan keputusan pihak universiti adalah muktamad.
- 5.4. Pihak universiti adalah berhak mempersetujui sebutharga yang dikemukakan atau sebahagian daripadanya.

**6.0. Pertanyaan Daripada Petender Yang Tidak Berjaya**

- 6.1. Pihak universiti tidak akan menerima atau melayan mana-mana pihak samada terlibat atau tidak terlibat dalam sebutharga ini mengenai sebab-sebab sebutharga mereka tidak berjaya.

**7.0. Amaran**

- 7.1. Petender yang gagal mematuhi syarat-syarat yang dikemukakan dalam dokumen ini boleh kehilangan kelayakan untuk dipertimbangkan.

**Pengesahan Petender:-**

Syarat-syarat di atas kesemua keseluruhan telah dibaca dan saya/syarikat ini bersetuju dengannya.

.....  
Tandatangan & Cop

Nama : .....  
Penuh

No. K/P : .....

Alamat : .....  
.....  
.....

**PEMILIHAN KATEGORI JUALAN, LATAR BELAKANG DAN MAKLUMAT  
PETENDER**

**1. Nama Pemilik Syarikat** : \_\_\_\_\_

**2. Alamat** : \_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

**3. No. Telefon**

a. Pejabat : \_\_\_\_\_

b. Rumah : \_\_\_\_\_

c. Telefon Bimbit : \_\_\_\_\_

d. No. Faks : \_\_\_\_\_

e. E-mel : \_\_\_\_\_

**4. Maklumat Mengenai Syarikat/Lesen :**

Nama Syarikat : \_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

Alamat Syarikat : \_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

No. Lesen Pendaftaran : \_\_\_\_\_

Tempoh Sah Laku : \_\_\_\_\_

Sila sertakan salinan dokumen yang telah disahkan seperti berikut:

a. Pendaftaran Perniagaan yang dikeluarkan daripada Pejabat Daerah, atau

b. Surat Akuan Pendaftaran Kontraktor

**5. Maklumat Mengenai Pengurusan dan Kakitangan :**

<b>Bil</b>	<b>Nama</b>	<b>No. Kad Pengenalan</b>	<b>Jawatan</b>	<b>Tempoh Berkhidmat</b>

**6. Maklumat Mengenai Perniagaan Yang Lalu dan Yang Dijalankan Sekarang**

<b>Bil</b>	<b>Jenis Peniagaan</b>	<b>Tempat Peniagaan</b>	<b>Tempoh</b>

(Sila lampirkan jika ruangan tidak mencukupi).

**7. Senarai peralatan yang ada untuk menjalankan operasi:-**

<b>Bil.</b>	<b>Nama Peralatan</b>	<b>Jumlah</b>	<b>Catatan</b>

## 8. Senarai Harga Minuman

Sila lengkapkan nilai harga barang yang dipilih seperti di **Lampiran D**.

.....  
Tandatangan

Nama Penuh : .....

No. Kad Pengenalan : .....

**Nota : permohonan yang tidak mendapat jawapan dalam tempoh 3 bulan adalah dianggap tidak berjaya.**



**SENARAI HARGA SNEK DAN MINUMAN**

Bil.	Perkara	Unit	Harga	Catatan
<b>1.</b>	<b>Snek dan Minuman</b>			

(Sila lampirkan jika ruangan tidak mencukupi).

## LAMPIRAN E

### 1. KAEDAH BAYARAN SEWAAN BULANAN DAN UTILITI (ELEKTRIK)

- 1.1 **Bayaran sewaan dua (2) mesin layan diri ialah sebanyak RM300.00 sebulan dan bayaran bil utiliti (elektrik) RM100.00 sebulan, menjadikan jumlah keseluruhan yang perlu dibayar ialah RM400.00 sebulan.** Petender dikehendaki membayar secara ***standing instruction (S.I.)*** iaitu arahan potongan terus daripada akaun semasa/simpanan petender ke akaun UPMKB di CIMB Bank bernombor **8005232086** pada **setiap 01hb dalam kontrak sewaan;**
- 1.2 ***Standing instruction*** boleh dibuat dimana-mana bank tempatan terdekat dan segala caj bank adalah ditanggung oleh pihak petender. ***S.I*** ini **tidak boleh dibatalkan** tanpa kebenaran daripada pihak UPMKB. Pihak petender dikehendaki **melampirkan sesalinan borang S.I yang dimatikan setem** bersama-sama surat setuju terima tawaran kepada pihak UPMKB;
- 1.3 Pastikan akaun semasa/simpanan petender yang berkenaan mempunyai baki secukupnya sebelum ***standing instruction*** dibuat oleh pihak bank pada setiap bulan supaya tidak timbul masalah pada ***S.I*** dan petender diminta untuk menyemak setiap transaksi ***S.I*** samaada telah dibuat atau belum melalui penyata akaun masing-masing;
- 1.4 Sekiranya terdapat masalah pada ***S.I***, pihak petender adalah bertanggungjawab untuk membayar sendiri sewaan secara tunai di Kaunter Hasil, Bahagian Kewangan dengan kadar segera. Sebarang pertanyaan lanjut mengenai penyata hutang dan inbois sewaan bolehlah menghubungi Unit Akaun dan Hasil di talian 086-855249/5647/5276.